

TEKS UCAPAN

**DATUK HAJI HAJIJI HAJI NOOR,
MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN SEMPENA MERAIKAN MAJLIS
PERPISAHAN PUAN P.S. WONG,
PENGURUS BESAR, LPPB,
DI SHANGRI-LA'S TANJUNG ARU RESORT
PADA 2HB MEI 2008 (JUMAAT)
JAM 7.15 MALAM**

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam sejahtera;

Terima kasih, Pengacara Majlis;

Datuk-Datuk/Datin, Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang saya hormati sekalian;

Saya bersyukur kepada Allah s.w.t kerana dengan limpah dan kurniaNya saya dapat menghadirkan diri di dalam majlis yang sungguh bermakna pada malam ini. Didalam mana-mana ucapan perpisahan, suasana puji memuji adalah sesuatu yang lazim. Dalam majlis "**Jasa Mu Di Kenang**" ini, saya ingin merakamkan ucapan terima kasih khusus kepada Puan P.S Wong yang akan bersara didalam beberapa hari lagi diatas jasa dan khidmat bakti yang dicurahkan sepanjang berada didalam Perkhidmatan Awam. Tentu sekali didalam perkhidmatan yang begitu panjang ada jasa-jasa besar yang telah dicurahkan yang menjadi tinta emas didalam sejarah perkembangan LPPB.

Manusia secara nalurinya akan merasa bahagia dan berbangga apabila mengenang kembali detik-detik pengorbanan yang pernah disumbangkan. Didalam mengimbau kembali peranan dan penglibatannya itu dia akan terasa sebuah kepuasan pada dirinya yang tidak ada tolak bandingnya. Ini lebih-lebih lagi benar apabila mengingatkan kerja-kerja yang dilakukannya itu ada kaitan dengan niat yang tulus ikhlas untuk kepentingan organisasi, negeri dan negaranya. Dia bukan hanya beroleh kepuasan hati yang penuh, hasil dari keberanian, ketekunan dan keikhlasan, malah mampu menjadikan detik kenang-kenangan yang paling manis sepanjang hayatnya.

Sebagai Menteri yang bertanggungjawab kepada LPPB, saya merasa bangga kerana beliau telah menjalankan tugas dengan amanah dan penuh dedikasi.

Datuk/Datin/Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

Sesungguhnya didalam tempoh perkhidmatanya, Puan P.S Wong telah melalui ranjau pengalaman suka dan duka. Tuhan telah memberi beliau peluang untuk menjawat jawatan yang tinggi sebagai hadiah kepada ketekunan dan keikhlasannya menjalankan tugas. Sesiapapun akan mendapat peluang yang setimpal kepada apa yang telah dilakukannya. Oleh itu, apa yang tinggalnya hanyalah sebuah jasa yang menjadi ukuran orang yang merasainya. Saya berharap kita tidak mengukur prestasi seseorang itu dengan emosi untuk mengadili jasanya.

Kata pepatah, **“Gajah mati meninggalkan gadingnya dan harimau mati meninggalkan belangnya, dan manusia mati meninggalkan namanya”**.

Sebelum mengakhiri ucapan izinkan saya menghadaiahkan sebuah pantun seperti berikut :-

**Di sana padi di sini padi
Itulah nama sawah dan bendang
Disana budi disini budi
Baru sempurna bernama orang**

**Kalau ada pauh didaik
Bawa sebiji ke tanah seberang
Kalau ada budi yang baik
Sampai mati dikenang orang**

Selamat Bersara. Jagalah kesihatan dan semoga bahagia selalu.

Terima kasih.